

PENERANGAN INFOGRAFIK

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021. Laporan ini mengandungi perkara berikut:

Bahagian I : Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

Bahagian II : Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan

1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

- a. Penyata kewangan ini melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2021.
- b. Mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- c. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.2. Penegasan Perkara

Penegasan Perkara melibatkan perkara seperti berikut:

- a. Terimaan pinjaman kasar pada tahun 2021 adalah berjumlah RM217.201 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM22.646 bilion atau 11.6% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM194.555 bilion.
- b. Sejumlah RM113.764 bilion atau 52.4% daripada jumlah pinjaman kasar yang diperoleh pada tahun 2021 telah digunakan untuk bayaran prinsipal pinjaman matang, manakala sejumlah RM62.317 bilion atau 28.7% daripada pinjaman kasar tahun 2021 telah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan.
- c. Daripada RM62.317 bilion yang dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan (2020: RM48.571 bilion), hanya 65.8% atau sejumlah RM40.994 bilion telah

dibelanjakan untuk perbelanjaan pembangunan, iaitu menurun berbanding 77.3% atau RM37.530 bilion pada tahun 2020. Sebanyak 20.2% atau RM12.612 bilion telah dibelanjakan untuk membiayai Liabiliti PFI dan Komitmen Jaminan (2020: 17% atau RM8.265 bilion), manakala sebanyak 14% atau RM8.711 bilion merupakan pengelasan daripada perbelanjaan mengurus kepada perbelanjaan pembangunan (2020: 5.7% atau RM2.776 bilion).

- d. Sungguhpun pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan meningkat namun peratusan perbelanjaan pembangunan menurun. Hal ini tidak memberi kesan yang signifikan kepada perbelanjaan pembangunan yang berupaya menjana kesan pengganda ekonomi.
- e. Pinjaman kasar berjumlah RM217.201 bilion tersebut telah mengakibatkan peningkatan Hutang Persekutuan kepada RM979.814 bilion atau 63.4% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2021, berbanding RM879.560 bilion atau 62% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar pada tahun 2020.
- f. Premium bersih daripada Akaun Pinjaman Disatukan yang berjumlah RM3.120 bilion telah dilaraskan ke Akaun Penyelesaian Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan Malaysia. Sejumlah RM1.800 bilion daripadanya telah diiktiraf sebagai Hasil Bukan Cukai dan dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan. Polisi pengiktirafan premium bersih sebagai Hasil Bukan Cukai adalah berbeza dengan prinsip pengiktirafan hasil asas tunai ubah suai, iaitu pada tahun hasil diterima.

1.3. Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan

a. Prestasi Kewangan Kerajaan Persekutuan

- i. Terimaan Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM234.744 bilion yang terdiri daripada terimaan hasil berjumlah RM233.752 bilion dan pelbagai terimaan berjumlah RM0.992 bilion. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM333.484 bilion yang terdiri daripada perbelanjaan mengurus berjumlah RM231.516 bilion, perbelanjaan pembangunan berjumlah RM64.257 bilion dan perbelanjaan Covid-19 berjumlah RM37.711 bilion.
- ii. Kerajaan Persekutuan mencatatkan defisit berjumlah RM98.740 bilion dengan nisbah kepada KDNK sebanyak 6.4% berbanding RM87.645 bilion atau 6.2% kepada KDNK pada tahun 2020.

b. Kedudukan Aset dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan

- i. Aset Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan di dalam Penyata Akaun Memorandum pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM146.907 bilion. Aset Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Akaun Belum Terima berjumlah RM113.045 bilion (2020: RM106.423 bilion) dan pelaburan dalam pegangan ekuiti syarikat dan badan berkanun yang berjumlah RM33.862 bilion (2020: RM33.191 bilion).
- ii. Liabiliti Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan di dalam Penyata Akaun Memorandum pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM1.298 trilion. Liabiliti Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

JADUAL 1
KEDUDUKAN LIABILITI KERAJAAN PERSEKUTUAN

JENIS LIABILITI	TAHUN		PERUBAHAN (RM Bilion)
	2021 (RM Bilion)	2020 (RM Bilion)	
Hutang Persekutuan	979.814	879.560	100.254
Komitmen Kewangan	282.276	270.023	12.253
Liabiliti PFI	35.574	37.034	(1.460)
Pelbagai Liabiliti	0.151	0.172	(0.021)
JUMLAH	1,297.815	1,186.789	111.026

c. Analisis Nisbah Hutang Kerajaan Persekutuan

JADUAL 2
ANALISIS NISBAH HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

NISBAH	TAHUN	
	2021 (%)	2020 (%)
Nisbah Statutori Hutang kepada KDNK	59.7	57.9
Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK	63.4	62.0
Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK	84.0	83.7

i. Nisbah Statutori Hutang kepada KDNK

- Seksyen 2 Akta A1635 menetapkan had statutori hutang dalam Subseksyen 3(1), Akta 830 ditingkatkan daripada 60% kepada 65% kepada KDNK berkuat kuasa mulai 18 November 2021 hingga 31 Disember 2022. Nisbah statutori Hutang Persekutuan ini melibatkan Bil Perbendaharaan Islamik, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sukuk Prihatin dan Sekuriti Kerajaan Malaysia yang berjumlah RM922.484 bilion, iaitu bersamaan dengan 59.7% kepada KDNK berbanding 57.9% pada tahun 2020. Nisbah ini masih di bawah had statutori 65% kepada KDNK.

ii. Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK

- Hutang Persekutuan adalah berjumlah RM979.814 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM100.254 bilion atau 11.4% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM879.560 bilion. Nisbah hutang kepada KDNK adalah pada kadar 63.4% (2020: 62%).
- Kedudukan Hutang Persekutuan terdiri daripada pinjaman dalam negeri berjumlah RM950.084 bilion atau 97% manakala hutang luar negeri berjumlah RM29.730 bilion atau 3%. Pinjaman dalam negeri mencatatkan peningkatan sejumlah RM98.800 bilion atau 11.6% dan hutang luar negeri turut meningkat sejumlah RM1.455 bilion atau 5.1%.

iii. Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK

- Liabiliti Persekutuan yang terdiri daripada Hutang Persekutuan dan Liabiliti Kewangan adalah berjumlah RM1.298 trilion, iaitu meningkat sejumlah RM111.026 bilion atau 9.4% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM1.187 trilion. Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK adalah 84% pada tahun 2021 berbanding 83.7% pada tahun 2020.
- Liabiliti Kewangan terdiri daripada Liabiliti PFI, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti yang berjumlah RM318.001 bilion berbanding RM307.229 bilion pada tahun 2020.

2. Secara keseluruhannya, sebanyak empat syor telah diberi oleh Ketua Audit Negara kepada Kerajaan Persekutuan bagi Pengesahan Penyata Kewangan.